

## Info

**Matlamat CAKNE**

- Membantu pesakit kanser dalam kalangan kanak-kanak dan keluarga tanpa mengira bangsa, agama atau keturunan.
- Meningkatkan pengetahuan, kesedaran pesakit dan ahli keluarga mengenai serangan yang dihadapi serta kaedah rawatan dan kaedah penjagaan selepas dibenarkan pulang ke rumah.
- Meningkatkan tahap kesediaan dan ketahanan pesakit dan ahli keluarga sebelum rawatan, semasa dan selepas rawatan.
- Menyediakan bantuan kewangan dan peralatan untuk pesakit dan keluarga yang memerlukan berdasarkan merit dan kemampuan kewangan pertubuhan.
- Meningkatkan tahap kesedaran orang ramai mengenai cara menyokong pesakit dan keluarga mereka.
- Meningkatkan kesedaran umum mengenai penyakit kanser kanak-kanak khususnya dan penjagaan kesihatan secara umumnya.
- Meningkatkan semangat sukarelawan dalam kalangan ahli khususnya dan anggota masyarakat amnya.

**Aktiviti**

- Lawatan wad
- Menubuh dan mengendalikan kumpulan diskusi menerusi aplikasi sosial WhatsApp dan Facebook.
- Membekalkan kit permulaan untuk setiap pesakit baharu.
- Program solat hajat
- Taklimat dan dialog berkaitan penyakit.
- Sumbangan kewangan kepada keluarga yang memerlukan.
- Menganjurkan acara sosial antaranya jamuan raya dan hari keluarga.

**Projek terkini & terbesar**

- Menterjemah & menerbitkan buku berkaitan kanser kanak-kanak.



Pengasas CAKNE, Mohd Shah Awaluddin (tenhah) bersama Nor Hashimah bergambar bersama ahli Persatuan Pesakit Barah Kanak-Kanak sempena Majlis Aidilfitri Persatuan Pesakit Barah Kanak-kanak di Presint 8, Putrajaya.

## CAKNE peka kebajikan pesakit

### → Kumpulan sokongan bantu keluarga anak hidap kanser

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**P**ersatuan Sokongan Kanser Kanak-kanak Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (CAKNE) menganjurkan program meraikan lebih 40 kanak-kanak dan remaja yang bertarung dengan pelbagai serangan barah di Putrajaya, baru-baru ini.

Program bertujuan mengeratkan hubungan antara pesakit dan keluarga untuk berkongsi pengalaman serta

motivasi khususnya kepada pesakit baharu.

Pengerusi CAKNE, Nor Hashimah Sulaiman, berkata program yang mengumpul semua pesakit dari tahun 2007 hingga 2016 khas kepada mereka yang dirawat di PPUKM.

Pertemuan seumpama ini kata beliau, mengeratkan lagi hubungan antara pesakit baharu dengan lama yang berjaya melawan barah.

**Kuatkan emosi ibu bapa, keluarga**  
"Apabila seseorang kanak-kanak menghidap barah, seluruh keluarganya

terjejas dan ibu bapa biasanya terpaksa berada berbulan-bulan lamanya di hospital bagi menemani anak.

"Pesakit dan ibu bapa ini memerlukan sokongan moral dan motivasi untuk mengharungi saat sukar khususnya ketika menjalani rawatan seperti kemoterapi malah kehilangan anak buat selama-lamanya," katanya.

Pada sesi pertemuan itu, kanak-kanak ini berpeluang menyedut udara segar waktu pagi di tepi tasik dengan berbasikal bersama keluarga sambil menikmati hidangan serta pertunjukan disediakan.

**Edar senarai panduan penjagaan sempurna**

Nor Hashimah berkata, pesakit yang dimasukkan ke wad di PPUKM secara automatik akan berdaftar sebagai ahli CAKNE dan mereka akan menerima kit keperluan asas untuk menjalani kehidupan lama di hospital yang umpama rumah kedua mereka.

Senarai panduan kepada ibu bapa turut dikeluarkan bagi memberi garis panduan kepada mereka menjalani hidup di dalam wad dengan lebih tenang dan mengelakkan daripada mengalami kesan emosi meratapi keadaan anak yang sakit.



Pertunjukan tarian menghiburkan ahli.



Meraikan harijadi ahli CAKNE.